

UMS beri komitmen kaji budaya maritim suku kaum Bajau Semporna

NST 24.04.2012 1

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberikan komitmen terhadap kajian kebudayaan maritim suku kaum Bajau Semporna yang belum ditonjolkan sepenuhnya sebagai salah satu warisan etnik di negeri ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj Ampon berkata untuk merealisasikan komitmen itu, pihaknya melaksanakan pelbagai aktiviti seperti pemasangan payao, penulisan buku dan penyertaan Regatta Lepa sejak beberapa tahun lalu.

"Penyertaan dalam Regatta Lepa bukan sekadar pertandingan tetapi lebih kepada komitmen UMS selaku institusi pengajian tinggi dalam memartabatkan kebudayaan pelbagai etnik di negeri ini," katanya.

Di samping itu, pelajar UMS juga diberikan ruang untuk mendekati diri dengan masyarakat Bajau Semporna agar mengetahui lebih luas mengenai budaya masyarakat itu.

UMS yang telah menyertai Regatta Lepa sejak

2010 berjaya merangkul tempat ketiga tahun ini sama seperti yang dicapai pada tahun lalu.

Lepa UMS diketuai oleh Prof Madya Dr Ismail Ali dan dibantu oleh Hinmin Chiam Tah Kong.

"Budaya maritim yang menggunakan lepa dalam kehidupan sudah lama wujud dalam sejarah tradisi besar maritim di Nusantara dan sehingga kini unsur budaya ini masih kekal digunakan bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Filipina dan Indonesia," kata Dr Ismail.

Sehubungan itu katanya, warisan tradisi itu perlu dipertahankan sebagai satu khazanah warisan generasi akan datang.

Sempena Regatta Lepa, buku tulisan Dr Ismail berjudul 'Pulau Mabul: Dulu, Kini dan Masa Depan' dilancarkan oleh Yang di-pertua Negeri Tun Juhar Haji Mahiruddin.

Buku itu memaparkan sejarah awal Pulau Mabul, pembangunan masa kini dan beberapa persoalan semasa di pulau itu. **-OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabah-times.com.my)**



TUN Juhar melancarkan buku UMS bertajuk "Pulau Mabul: Dulu, Kini dan Masa Depan".